

26 JAN 1998

Mahathir-Perpaduan

KETEPI PERBEZAAN POLITIK DAN PERKAUMAN

KOTA BAHARU, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat supaya membelakangkan fahaman politik dan perkauman untuk sama-sama membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, perpaduan adalah amat penting dalam usaha untuk menangani kegawatan ekonomi pada masa ini.

"Tidak ada siapa yang akan selamat daripada menghadapi masalah ekonomi sekarang baik parti politik, kerajaan atau orang yang terbabit dalam politik. Oleh itu kita perlu bersatu," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa di Seri Puri, Peringat, kira-kira 20 kilometer dari sini.

Dr Mahathir yakin berkat perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat, masalah ekonomi yang dihadapi sudah pasti akan pulih semula.

"Parti-parti kita kuat dan parti pembangkang juga kuat. Bagaimanapun, dalam soal ini (memulihkan ekonomi) parti lawan juga menyokong kita," katanya pada majlis yang dihadiri kira-kira 1,500 orang termasuk beberapa pemimpin Kerajaan Negeri yang diketuai Timbalan Menteri Besar Haji Abdul Halim Abdul Rahman.

Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya meningkatkan tabungan dengan mengelakan pemborosan melalui perbelanjaan berhemat.

"Wang yang disimpan dalam bank-bank tempatan boleh digunakan untuk disalurkan kepada usaha meningkatkan barangan keluaran dalam negeri yang sekaligus dapat mengurangkan eksport," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan tidak menghalang rakyat daripada berbelanja kerana tindakan seperti itu akan memberi masalah pula kepada para peniaga.

"Apa yang penting kita beli barangan buatan Malaysia yang lebih murah berbanding dengan harga barang yang kita import," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini perlu bersyukur kerana keadaan ekonomi yang dihadapi sekarang tidak seteruk beberapa negara lain.

"Kita tak rasai kemiskinan (seperti beberapa negara lain) kerana kita masih ada kemampuan untuk berbelanja," katanya. -- Bernama

BD AH oba